

terbuku di dalam kitab Jaami' at-Tirmizi itu tidak syak lagi ia merupakan salah sebuah karya terbaik pernah dihasilkan dalam sejarah penulisan kitab umat Islam.

Mazhab Imam Tirmizi

Imam-imam besar seperti Imam Tirmizi, Bukhari, Muslim dan lain-lain mempunyai pengaruh yang sangat besar dan mereka dihormati seantero dunia Islam. Faktor inilah yang mendorong sesebuah kumpulan atau sesuatu golongan berpuas hati dan berbangga jika tokoh-tokoh besar seperti itu dikaitkan dengan kumpulan mereka. Fenomena sebegini selalunya berlaku kepada mereka yang terlalu mengikat diri dengan pengamalan mazhab. Pengaruh dan gah yang dimiliki tokoh-tokoh besar hadits itu sangat didambakan, kerana ia merupakan sandaran yang kukuh untuk menguatkan hujjah dan pegangan mazhab masing-masing. Apatah lagi kepada 'ulama'-'ulama' yang terlalu fanatik dengan mazhab yang dianuti mereka. Mereka tidak dapat menerima dan langsung tidak dapat membayangkan bahawa imam-imam besar itu tiada pegangan mazhab yang khusus. Contohnya pengikut-pengikut mazhab Syafi'e akan menda'wa bahawa Imam Tirmizi juga mempunyai pegangan mazhab yang sama dengan mereka. Jadi tidaklah pelik jikalau ada antara nama-nama besar itu terselit dalam senarai tokoh-tokoh kenamaan dan individu-individu terkemuka mazhab tersebut. Semuanya ini berlaku tidak kerana lain melainkan untuk menguatkan nama dan pengaruh mazhab masing-masing sahaja. Situasi dan senario yang sama juga menyelubungi Imam Bukhari, di mana masing-masing pengikut mazhab tidak mahu melepaskan peluang untuk mengaitkan beliau dengan mazhab dan pegangan mereka.

Da'waan yang mengaitkan Imam Tirmizi dengan mazhab Syafi'e bukanlah langsung tidak berasas. Tidak kurang 'ulama' dan cerdik pandai yang berpendapat demikian. Punca utama yang mencetuskan pandangan seperti itu ialah kerana beliau kelihatan lebih banyak menyokong dan mentarjihkan pendapat-pendapat yang kebetulannya bertepatan dengan mazhab Syafi'e. Walaupun demikian halnya, tidaklah patut seseorang itu cepat membuat kesimpulan yang sembarangan. Ini kerana di sa'at beliau memberi pendapat yang bersesuaian dengan mazhab Syafi'e, di sana juga terdapat banyak percanggahan di

antara ijtihad beliau dengan mazhab itu. Jadi apakah pula justifikasi mereka di sini? Apakah Imam Tirmizi yang dikatakan bermazhab Syafi'e itu akan menentang mazhab imamnya? Apakah itu caranya orang yang bertaqlid kepada imam-imam tertentu? Seseorang yang mampu menilai dengan sebaik-baik penilaian dan sejujur-jujur pertimbangan akan mendapati hujah seperti ini sebenarnya terhasil daripada analisa yang kurang cermat. Sebenarnya tiada satu mazhab pun patut mendakwa secara mutlak bahawasanya Imam Tirmizi adalah pengikut mazhab mereka.

Syah Waliyullah menggambarkan fenomena yang berlaku kepada tokoh-tokoh hadits yang dikaitkan dengan sesuatu mazhab itu dengan katanya: *وكان أهل الحديث قد ينسب إلى أحد المذاهب لكثرة موافقته* ('Ulama'-'ulama' hadits kadang-kadang dikaitkan dengan sesuatu mazhab hanya kerana terdapat banyak persamaan pendapatnya dengan mazhab tersebut). Kata-kata Syah Waliyullah ini tentunya dilontarkan sebagai menyanggah pendapat sesetengah orang yang mendakwa imam-imam besar itu juga seorang *muqallid* hanya kerana pendapat dan ijtihadnya kelihatan sama dengan mazhab-mazhab tertentu.

Hujjah yang kukuh betapa Imam Tirmizi bukanlah *muqallid* sepertimana yang disangkakan oleh sesetengah orang, boleh ditelusuri dan diperhati pada pendapat beliau sendiri di dalam kitab Jaami'nya. Sebagai contoh, di bawah *باب ما جاء في تأخير الظهر في شدة الحر* jelas kelihatan keputusan yang diambil oleh Imam Tirmizi berlawanan dengan ijtihad dan pegangan Imam Syafi'e.

Menafikan Imam Tirmizi daripada dikaitkan dengan mana-mana mazhab imam-imam mujtahidin, bukan terbatas dengan dalil di atas sahaja. Terdapat banyak sekali petunjuk lain di dalam kitabnya yang ternyata jika diperhalusi dan dipertimbangkan dengan fikiran yang saksama akan mencerminkan kedudukan sebenar Imam Tirmizi. Misalnya beliau menulis: *والعمل على هذا عند أصحابنا وعند الشافعي وأحمد وإسحاق* (Inilah pegangan *ashab kita*, Syafi'e, Ahmad dan Ishaq).

Begitu juga di bawah *باب ما جاء في النهي عن المحاقلة والمزابنة*, beliau menulis *هو قول الشافعي وأصحابنا* (Itulah pendapat Syafi'e dan *ashab kita*). Rasionalnya di sini, apabila Imam Tirmizi mengisytiharkan sedemikian, ia memberi erti mazhabnya, mazhab Syafi'e dan mazhab-mazhab lain yang disebutkan bersama adalah entiti berlainan. Jika Imam Tirmizi

juga bermazhab Syafi'e, tentu sekali beliau tidak akan berkata begitu. Kerana mazhab Syafi'e juga merupakan mazhabnya. Apa perlu dan apa faedahnya Imam Tirmizi mahu memisahkan dirinya daripada Syafi'iyah? Jadi jelaslah di sini bahawa *ashab kita* yang dimaksudkan Imam Tirmizi itu adalah mazhab dan pegangannya yang tersendiri, bukan Syafi'iyah dan bukan juga mazhab-mazhab lain selain Syafi'iyah. Menurut Syeikh Siraj Ahmad as-Sarhindi dan 'Allamah as-Sindi -pensyarah kitab Jaami' Tirmizi- apa yang dimaksudkan oleh Imam Tirmizi dengan katanya *ashab kita* itu adalah kumpulan 'ulama' hadits atau Ahlul Hadits.

Kepada mereka yang berfikiran terbuka dan matang, kata-kata Imam Tirmizi ini merupakan suatu petanda bahawa beliau mempunyai aliran dan pengikut tersendiri yang sefahaman dengan beliau. Selagi maksud *ashab kita* tidak dapat dijelaskan dengan perincian lain yang boleh diterima maka tiada gunanya menafikan Imam Tirmizi adalah seorang mujtahid mutlaq seperti gurunya juga.

Walaupun begitu, setelah mengkaji dan memerhati keseluruhan kandungan kitab Jaami' Tirmizi, para 'ulama' tidak mengatakan Imam Tirmizi mempunyai suatu mazhab tersendiri yang langsung berbeza daripada mazhab-mazhab yang ada. Bahkan mereka telah menyimpulkan bahawa pendapat dan mazhab Imam Tirmizi secara keseluruhannya lebih cenderung dan lebih banyak persamaannya dengan pendapat 'ulama' Hijaziyyin seperti Imam Malik dan Imam Syafi'e. Contohnya apabila Imam Tirmizi mengemukakan dua hadits yang menjadi dalil dalam sesuatu masalah fiqh, hadits yang mula-mula dikemukakan oleh beliau biasanya adalah dalil yang menyokong pendapat Hijaziyyin, manakala hadits seterusnya sama ada merupakan asas atau isyarat kepada asas pegangan Ahli al-Kufah atau golongan Kufiyyin. Garapan seumpama ini oleh Imam Tirmizi di dalam kitabnya telah memberi gambaran kepada 'ulama'-'ulama' kemudian bahawa pendapat beliau lebih cenderung kepada 'ulama'-'ulama' Hijaz atau beliau lebih menyetujui pendapat mereka.